




ABD Rahman menunjukkan keadaan pasir yang terhakis.



WAKAF dibina di pesisiran Pantai Mengabang Telipot untuk aktiviti nelayan menunggu masa untuk runtuh.



# RESAH RUMAH DIBADAI OMBAK

■ Penduduk tiga kampung tidak tidur lena masalah hakisan pantai dikesan lebih 10 tahun bakal memburuk pada musim tengkujuh

Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my

## Kuala Nerus

**W**alaupun musim tengkujuh belum bertandang, penduduk di kawasan Mengabang Telipot, di sini resah dengan masalah hakisan pantai yang tidak berkesudahan.

Saban tahun, penduduk di tiga kampung iaitu Kampung Tanjung Gelam, Kampung Tengah dan Kampung Kolam di Mengabang Telipot tidak tidur lena dengan masalah hakisan pantai yang mula dikesan lebih 10 tahun lalu terutama menjelang akhir Oktober.

Ketika ini, seramai 70 keluarga membabitkan 35 rumah, pejabat dan bangunan di kawasan berkenaan resah dan hanya mampu berdoa tiada kejadian buruk berlaku seperti tahun lalu apabila harta benda antaranya wakaf, bot, sampan, rumah dan chalet rosak akibat dibadai ombak besar dan air pasang dengan kerugian ditanggung penduduk hampir RM300,000.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara Abd Rah-

man Bakar, 67, berkata, penduduk sentiasa hidup keresahan setiap kali musim tengkujuh apabila masalah hakisan yang berlaku seolah-olah tiada kesudahan.

"Sekarang ini belum musim tengkujuh, tetapi hakisan pantai sudah berlaku sedikit demi sedikit. Malah, benteng pemecah ombak yang dibina juga sudah terhakis.

"Bayangkan, walaupun paras air pasang masih normal iaitu sekitar 2.3 hingga 2.5 meter, tetapi hakisan pantai sudah berlaku. Keadaan pastinya lebih teruk ketika musim tengkujuh nanti dengan fenomena air pasang dan ombak besar ditambah angin monsun.

"Biasanya ketika musim tengkujuh kami berdepan dengan ombak 'sor' atau arus berpusar ditambah dengan air pasang selain tiupan angin kencang dengan ketinggian ombak boleh mencecah 3 hingga 3.5 meter," katanya.

Penduduk, Jaafar Abdullah, 61, turut terkilan dengan kejadian kemusnahan pantai yang terus berulang setiap tahun.

"Saya tidak nafikan memang ada tindakan diambil pihak berkaitan dengan membuat benteng pemecah ombak dan menambak batu besar di kawasan yang terjejas mengalami

hakisan, tetapi ia dilihat tidak menyelesaikan masalah ini.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab cari penyelesaian terbaik kerana kami bimbang generasi akan datang mungkin tidak berpeluang bermain pantai kerana kawasan ini akan hanyut ditelan ombak," katanya.

Bagi Mohd Azmi Mohammad, 42, dia bersama penduduk yang lain hanya mampu berserah dan membaratkan diri tinggal di rumah masing-masing walaupun nyawa mereka terancam.

Katanya, walaupun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri ada membina tambakan batu menghalang hakisan ini merebak ke rumah penduduk, penduduk masih bimbang kerana hakisan itu semakin hampir terutama setiap kali ribut dan ombak pasang besar.

"Sekarang ini pun sudah nampak kesan hakisan dan tidak boleh nak bayangkan macam mana keadaan apabila musim tengkujuh nanti.

"Bayangkan, jarak rumah saya dengan pantai hanya 10 meter pada musim biasa pun, air boleh melepasi benteng yang dibuat JPS sedangkan kita tahu ketika musim tengkujuh ombak mencecah setinggi tiga meter," katanya.



# RM300,000

>> Kerugian ditanggung ketika kejadian tahun lalu

24-09-2016

## setempat

# 45

AN METRO

FOTO: SYAFIQ AMBAK



**BENTENG** penahan ombak dipasang bagi menyelamatkan rumah daripada dilambung ombak.

